

## ANALISIS PERMASALAHAN PELAJAR CACAT PENDENGARAN DALAM PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Nik Hassan Seman<sup>1</sup>, Mustafa Che Omar<sup>1</sup>,  
Abdullah Yusoff<sup>2</sup>, Mohd Yusof Abdullah<sup>3</sup>

### Abstrak

Kajian ini mengupas permasalahan yang timbul semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam kepada pelajar cacat pendengaran di peringkat Sekolah Menengah Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi Sekolah Menengah di Malaysia. Kajian berbentuk kualitatif ini melibatkan 5 orang Guru Pendidikan Islam(GPIK), 3 orang Bekas Pelajar Cacat Pendengaran (BPP) dan 2 orang pakar cacat pendengaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Khas (PPIK) dan 4 orang Pentadbir (GPKK) yang bertindak sebagai responden temubual. Hasil kajian bertujuan menzahirkan masalah yang sering berlaku kepada pelajar cacat pendengaran, khususnya dalam aspek masalah dari segi kemahiran bahasa. Masalah ini timbul adalah kerana sikap pelajar cacat pendengaran kurang membaca menyebabkan tiada input, masalah Bahan Bantu Belajar (BBM) di pasaran yang mesra pelajar murid tipikal. Dalam masa yang sama, masalah kurikulum yang begitu luas, kesukaran memahami sesuatu konsep yang disampaikan oleh guru, masalah ingatan jangka pendek (short memory), guru tidak mahir menggunakan bahasa isyarat, kod tangan terhad dan buku teks yang tidak sesuai. Kebanyakan buku teks hari ini adalah dalam bentuk tulisan jawi. Buku teks ini hanya sesuai untuk rujukan guru. Justeru itu, beberapa penambahbaikan perlu diberi perhatian serius dan disegerakan tindakan dengan menyemak semula kurikulum untuk murid cacat pendengaran dengan modifikasi mengikut keupayaan pelajar berkenaan, di samping berkolaborasi dengan pihak berkaitan bagi menghasilkan BBM yang sesuai dengan tahap kemampuan pelajar cacat pendengaran. Akhir sekali, guru dan ibubapa perlu sentiasa berfikiran terbuka dalam menerima anak-anak istimewa ini.

**Kata kunci:** *Masalah Pembelajaran, Pelajar Cacat Pendengaran, Pendidikan Islam*

---

<sup>1</sup> Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu

<sup>2</sup> Institut Pendidikan Guru, Kampus Kota Bharu, Kelantan

<sup>3</sup> Kolej Universiti Islam Melaka

## **PROBLEMS ANALYSIS FACED BY DEAF STUDENTS IN LEARNING SUBJECTS ISLAMIC EDUCATION IN MALAYSIA**

### **Abstract**

This study examines the problems that arise during the implementation of the teaching and learning of Islamic education to deaf students at the Special Secondary School and Special Education Integration Program Secondary School in Malaysia. This qualitative research involves five teachers of Islamic Education (GPIK), 3 Former Students Deaf (BPP) and 2 expert hearing impaired Islamic Education and Special Education (Humanities) and 4 Administrator (GPKK) which acts as respondent interviews. The study aims to disclose the problems that often happens to deaf students, especially in the aspects of the problem in terms of language skills. This problem arises because of the attitude of deaf students read less cause no input, the Aids Learning (BBM) in the market for a typical student student friendly. At the same time, problems are so extensive curriculum, difficulty understanding a concept presented by the teacher, the problem of short-term memory (short memory), teachers are not proficient in the use of sign language, code limited hand and textbooks that do not fit. Many textbooks today is in the Jawi script. This textbook is suitable for teacher reference. Therefore, some improvement should be given serious attention and urgent action by revising the curriculum for pupils with hearing impaired modification according rberkenaan instructive ability, in addition to collaborating with related parties to produce fuel that meets the level of hearing impaired students. Finally, teachers and parents need to keep an open mind to receive these special children.

**Keywords:** learning disability, hearing impaired students, islamic education

### **PENDAHULUAN**

Setiap kanak-kanak yang dilahirkan mempunyai kecerdasan yang membolehkan kanak-kanak tersebut belajar serta menyesuaikan diri dengan alam sekeliling. Kecerdasan yang diwarisi ini berserta dengan pancaindera yang sempurna bakal membantu kanak-kanak menerokai alam sekitar dengan lebih baik. Bagi mencapai matlamat yang lebih kompleks, kanak-kanak ini sememangnya memerlukan kepada proses pembelajaran kerana pembelajaran itu sesuatu dimulai dengan penanggapan rangsangan yang diterima dari pancaindera kemudian diproses dan disimpan sebagai pengalaman (Mohd Sharani, 2004). Bagi kanak-kanak cacat pendengaran, pembelajaran adalah penting supaya kanak-kanak ini dapat menguasai ilmu pengetahuan dengan sempurna. Namun begitu, akibat daripada kecacatan yang dialami, menyebabkan kanak-kanak ini ketinggalan dari segi akademik, malah wujud pula pelbagai masalah lain khususnya dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di bilik darjah.

## MASALAH KAJIAN

Kajian-kajian yang dijalankan mendapati banyak masalah yang timbul semasa pelaksanaan proses pembelajaran dan pengajaran kepada pelajar cacat pendengaran, antaranya tahap pencapaian pelajar ini dalam subjek Pendidikan Islam begitu merosot. Hal ini berdasarkan kepada peratus pencapaian pelajar cacat pendengaran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam paling rendah atau tercorot dengan pencapaian kosong peratus (Lembaga Peperiksaan, 2003). Pencapaian akademik pelajar cacat pendengaran masih lemah (Abdullah dan Che Rabiaah, 2004; Easter brooks dan Baker, 2002; Moores, 2001). Masalah bahan bantuan mengajar (BBM) dalam mata pelajaran Pendidikan Islam adalah sukar diperoleh atau tiada di pasaran serta kurang kemahiran pelajar berkenaan dalam ICT diakui Efthimiou dan Fotena, 2007; Siewet *et al.*, 2007). Isu kepakaran guru pula, melibatkan aspek kemahiran pedagogi dan kemahiran komunikasi telah menjelaskan proses pembelajaran dan pengajaran yang berkesan (Hamdi, 2010) seperti kesukaran menyebut huruf-huruf al-Quran (Nik Hassan, 1997). Kebanyakan pelajar cacat pendengaran tidak diberi pendedahan yang cukup untuk pembelajaran al-Quran berbanding dengan murid-murid berpendengaran normal (Ab Aziz MohdZinet *et al.*, 2009; Global Pekak Muslim, 2014). Dalam konteks kajian ini, tumpuan diberikan untuk memperincikan beberapa masalah yang didapati berdasarkan pengalaman ketika bertugas di sekolah khas oleh beberapa penyelidik berkaitan.

## DEFINISI KONSEP

Pelajar cacat pendengaran merujuk kepada pelajar yang masih belajar di sekolah menengah Pendidikan Khas atau Program Pendidikan Khas Integrasi. Pelajar berkomunikasi dengan menggunakan bahasa isyarat dan sesetengah pelajar memilih berkomunikasi secara bertutur. Walau bagaimanapun pilihan penggunaan bahasa isyarat adalah lebih dominan bagi pelajar cacat pendengaran berbanding dengan pertuturan. Hal ini disebabkan persekitaran pergaulan pelajar ini adalah melibatkan kelompok mereka sesama sendiri. Komunikasi semasa proses pembelajaran dan pengajaran adalah menggunakan Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM).

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenalpasti pelbagai bentuk masalah yang dihadapi pelajar cacat pendengaran semasa pelaksanaan proses pembelajaran dan pengajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah berkaitan.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Dapatan kajian ini dapat memberikan kesedaran kepada pihak guru tentang kepentingan memahami masalah yang dihadapi pelajar cacat pendengaran dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Jika pengesahan sesuatu masalah dapat dilakukan di peringkat awal, guru dapat merancang dan menyediakan aktiviti-aktiviti yang membolehkan murid berkenaan melibatkan diri dan mendapatkan kefahaman semasa proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung. Disamping itu, guru juga dapat menyediakan BBM yang bersesuaian dengan masalah yang dihadapi pelajar berkenaan. Oleh itu, kajian ini dapat meningkatkan kualiti proses pembelajaran dan pengajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam (Abdullah, 2014) di dalam atau luar bilik darjah.

## **SOROTAN KAJIAN**

Kajian-kajian berkaitan dengan permasalahan pelajar cacat pendengaran turut dilakukan oleh beberapa penyelidik tempatan antaranya Mohd Huzaire (2012), Hasnah Toran (2012), Hamdi (2011) dan Mohd Hanafi (2005). Kajian Mohd Huzaire (2012) berkaitan Pendidikan Islam Golongan Masalah Pendengaran: Tinjauan Awal Isu dan Cabaran daripada Perspektif Guru Pendidikan Islam menggunakan pendekatan kualitatif terhadap empat orang guru mata pelajaran Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah Pendidikan Khas. Secara ringkas, dapatan kajian menjelaskan bahawa antara masalah yang timbul semasa pelaksanaan proses pembelajaran dan pengajaran antaranya ialah kod tangan dan komunikasi terhad, sikap ibu bapa lepas tangan, buku teks tidak sesuai, pelajar tidak boleh bertutur, kod tangan berbeza, hilang tumpuan, daya ingatan mudah lupa dan gagal membaca al-Quran. Dapatan kajian bahagian ke dua melalui kajian HasnahToranet *et al.*, (2012) telah mengkaji tentang sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar cacat pendengaran di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia. Kajian ini adalah dalam bentuk kajian kualitatif dengan temu bual secara bertulis ke atas tiga orang pelajar berkenaan. Dapatan menunjukkan terdapat halangan semasa di kampus adalah tidak adanya juru bahasa isyarat, masalah latihan amaran kebakaran, sukar untuk mengakses maklumat terkini di kampus, ketiadaan jurubahasa isyarat untuk menterjemah kuliah yang disampaikan dan terdapat pensyarahan yang tidak memahami dan tidak mesra dengan pelajar cacat pendengaran masing-masing.

Manakala Mohd Hanafi(2005) yang membuat kajian berkaitan dengan perbandingan pencapaian murid cacat pendengaran dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), menyatakan kajiannya dapat mengesan masalah dalam proses pembelajaran dan pengajaran murid cacat pendengaran berkaitan dengan penggunaan bahasa isyarat Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM). Kajian tersebut mendapati sebahagian besar guru, menyatakan guru-guru tidak mahir berkomunikasi menggunakan KTBM serta sukar menerangkan perkataan abstrak

semasa proses pembelajaran dan pengajaran. Sementara itu, Shahrul Arba'iah (2007) telah menjalankan kajian berkaitan dengan faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik. Beliau mendapati kecemerlangan akademik pelajar cacat pendengaran bergantung kepada tiga faktor penting iaitu ibu bapa, khidmat sokongan dan sikap pelajar itu sendiri.

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah temu bual. Peserta kajian adalah terdiri daripada tiga orang bekas pelajar cacat pendengaran yang berjaya dan bertugas sebagai guru di beberapa buah negeri di Malaysia, lima orang Guru Pendidikan Islam dan empat orang Pentadbir sekolah. Kajian ini dijalankan di beberapa buah sekolah yang menawarkan program Pendidikan Khas Integrasi di Malaysia dan sebuah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan. Sesi temu bual bersama bekas pelajar cacat pendengaran telah dijalankan melalui bantuan penterjemah. Bentuk komunikasi secara bertulis juga digunakan semasa sesi temu bual. Dalam penyelidikan ini, soalan berbentuk separa struktur digunakan. Rakaman video dan Perakam IC telah digunakan semasa sesi temu bual. Seterusnya, teks temu bual telah ditranskrip dalam bentuk verbatim, ditaip dalam Microsoft Word dan dihantar untuk semakan responden kajian berkenaan. Bagi menentukan kebolehpercayaan tema dalam penyelidikan ini, khidmat tenaga pakar untuk menentukan kebolehpercayaan menggunakan nilai pekali Cohen Kappa (Strauss & Corbin, 1990) telah digunakan.

## MASALAH DALAM PROSES PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM PELAJAR CACAT PENDENGARAN

Berdasarkan kepada dapatan yang telah diperoleh, terdapat beberapa perkara yang menjadi punca kepada cabaran-cabaran yang dihadapi guru mata pelajaran Pendidikan Islam dalam proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam bersama pelajar cacat pendengaran. Isu permulaan yang dihadapi guru mata pelajaran Pendidikan Islam yang baru memulakan kerjaya sebagai guru ialah penguasaan masing-masing dalam bahasa isyarat. Isu ini timbul kerana opsyen yang diterima semasa mengikuti latihan perguruan di IPT adalah berbeza semasa di tempat bertugas di sekolah. Sebagai contoh guru mata pelajaran Pendidikan Islam yang mendapat latihan perguruan di universiti dalam bidang masalah pembelajaran telah ditempatkan di program integrasi Pendidikan Khas (cacat pendengaran) dan terpaksa mengajar pelajar cacat pendengaran. Hal ini menimbulkan keresahan kepada guru berkenaan kerana terpaksa mempelajari bahasa isyarat bagi berkomunikasi bersama pelajar cacat pendengaran. Perkara ini diluahkan oleh GPIK5. “*Semasa di univerisiti saya ambil opsyen pendidikan khas masalah pembelajaran...sekarang saya terpaksa belajar bahasa isyarat untuk*

*mengajar murid-murid cacat pendengaran*”. Manakala GPKK2, RGPK, mengakui perkara ini turut berlaku kepada beberapa orang guru lain yang bertugas di Program Pendidikan Khas Integrasi Pekak. Begitu juga guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam kebanyakannya di Program Integrasi Pendidikan Khas bukan opsyen mata pelajaran Pendidikan Islam semasa di universiti.

Bercakap tentang masalah seterusnya dalam proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam, kesemua peserta GPIK1,GPIK2, GPIK3,GPIK4, GPKK1,GPK2, pakar Pendidikan Islam, BPP1,BPP2, berkongsi pengalaman masing-masing bersama dalam penyelidikan ini. Sementara itu, temu bual bersama GPIK2 telah memulakan masalah dengan kelemahan kemahiran bahasa dalam kalangan anak didiknya. Menurut beliau, punca kelemahan bahasa adalah bermula dari sikap pelajar itu sendiri yang tidak gemar membaca menjadi punca utama yang menghalang pelajar cacat pendengaran tidak menguasai bahasa dengan baik. Masalah seterusnya adalah ingatan jangka pendek (*short memory*) merujuk kepada ingatan yang akan disimpan dan tidak dapat bertahan lama. Seseorang dapat menyimpan maklumat tersebut jika pelajar selalu menggunakan maklumat tersebut. Ingatan jangka pendek kebanyakannya berlaku kepada pelajar yang mempunyai masalah pendengaran. Sesuatu maklumat yang diterima pelajar cacat pendengaran tidak dapat bertahan lama kerana maklumat tersebut tidak dapat dihubungkan dengan objek lain yang menyebabkan ingatannya hilang, berbanding dengan pelajar normal yang biasanya dapat mengaitkannya dengan objek lain yang memberikan kesan sesuatu maklumat akan bertahan lebih lama.

Dapatkan kajian juga mendapati aspek silibus untuk pelajar cacat pendengaran di luar kemampuan dan merupakan masalah kritikal yang kini dihadapi pelajar cacat pendengaran berkenaan. Memandangkan kurikulum yang disediakan lebih utama kepada keperluan pelajar berpendengaran, maka ia menimbulkan masalah kepada pelajar cacat pendengaran dalam proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini disuarakan oleh beberapa orang guru berdasarkan temu bual yang telah dilaksanakan. Guru-guru berpendapat, penggunaan silibus arus perdana yang sedia ada dilihat tidak begitu adil kepada kumpulan pelajar cacat pendengaran dalam proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran ini. Dapatkan penyelidikan di beberapa buah sekolah juga menjelaskan set minda guru dan pentadbir tidak sejajar dengan keperluan menyediakan proses pembelajaran dan pengajaran pelajar cacat pendengaran berimpak tinggi dan kerap kali perspektif mereka tidak berada di luar kotak. Temu bual dalam penyelidikan ini bersama dengan pakar guru mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Khas telah membuktikan bahawa guru dan pentadbir sekolah tidak berjaya mempamerkan konsep budaya kerja cemerlang.

Isu kekurangan BBM dalam mata pelajaran Pendidikan Islam turut dikongsikan kerana kebanyakkan bahan rujukan berada di pasaran lebih mesra kepada murid berpendengaran. Sukar ditemui BBM yang mengandungi bahan bahasa isyarat atau bentuk al-Quran dengan tulisan yang besar menjurus mesra

kepada pelajar cacat pendengaran. Bahkan yang hanya wujud adalah bentuk tulisan al-Quran yang halus dan menyukarkan pelajar cacat pendengaran mempelajari al-Quran.

Antara masalah terakhir yang ditemui dalam kajian oleh guru mata pelajaran Pendidikan Islam semasa pelaksanaan proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam ialah kesukaran menerangkan konsep dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, khususnya berkaitan dengan perkara yang abstrak. Hal ini kerana kebanyakan proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam banyak melibatkan aspek yang berkaitan dengan aspek abstrak seperti dalam topik akidah. Topik akidah adalah salah satu topik yang sukar diikuti dan difahami pelajar cacat pendengaran. Pihak BPP1 yang ditemu bual memulakan jawapannya: “...masalah...susah ingat menghafal perkataan....sukar dapat memahami terhadap benda yang abstrak”. Bagi GPIK1, beliau merasakan agak sukar untuk memberikan penjelasan atau menerangkan maksud sesuatu ayat. Perbualan penyelidik dengan GPIK1 dapat menceritakan masalah yang dihadapinya seperti berikut:

*“...kita susah nak terang sebab hari jumaat ayah dia pergi solat. Kenapa perlu ada ayat al-Quran? Al-Quran ini kata-kata Allah. Kenapa boleh sampai ke nabi? Kenapa boleh jadi satu buku sebutir? ...nak bagitahu macam mana ustaz...begitu juga dengan orang lelaki pergi sembahyang hari jumaat...orang perempuan tidak...jadi macam dia tak sabit dengan benda ini...hari jumaat tu ayah dia pergi sembahyang jumaat,”*(GPIK1).

Keluhan dari GPKK1 ini ada kebenarannya kerana berdasarkan beberapa pandangan GPIKyang lain menyatakan masalah yang sama turut berlaku di sekolah masing-masing. Bagi GPKK2, beliau memulakan jawapan dengan masalah semasa proses pengajaran dengan menyatakan pelajar cacat pendengaran mengalami kesukaran memahami benda-benda yang abstrak: “...benda yang dia nampak ok, benda yang wujud,tapi kalau macam benda abstrak ni macam kasih sayang tu...susah nak faham”(GPKK2). Perkara yang sama juga turut diluahkan oleh GPKK4: “...budak-budak ini susah kita nak jelaskan kepada mereka tentang benda-benda yang abstrak...sebab benda itu tak nampak...”(GPKK 4).

Selain kesukaran guru untuk menerangkan atau menyampaikan sesuatu konsep kepada pelajar cacat pendengaran, guru juga turut mengalami kesukaran untuk memahami sesuatu yang disampaikan oleh pelajar berkaitan. Kekeliruan ini sebahagiannya adalah berpunca dari tindakan pelajar cacat pendengaran menggunakan bahasa isyarat ciptaan sendiri yang menyebabkan guru sukar untuk memahami maksud sebenar yang cuba di sampaikan oleh pelajar berkenaan.

## PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Berdasarkan kepada analisis dapatan, kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran bahasa, ingatan jangka pendek, BBM, silibus, buku teks, kod tangan bahasa isyarat terhad dan kesukaran menerangkan sesuatu konsep adalah masalah yang dialami pelajar cacat pendengaran. Dapatan menunjukkan terdapat guru yang bukan opsyen mata pelajaran Pendidikan Islam mengajar mata pelajaran ini dalam Program Pendidikan Khas Integrasi. Guru tersebut tidak mempunyai sebarang asas yang kukuh untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Begitu juga dengan guru yang tidak ada kemahiran bahasa isyarat mengajar dalam program Pendidikan Khas. Apabila perkara ini berlaku, maka wujudlah guru mata pelajaran Pendidikan Islam yang tidak mempunyai kemahiran pedagogi mengajar pelajar khas, di samping guru ini tidak mempunyai asas pengetahuan tentang mata pelajaran Pendidikan Islam yang sebenar. Hal ini bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Mokhtar Tahar dan Aliza Alias (2003) yang mendapati bahawa guru yang mengajar dalam Pendidikan Khas hanya 34.7 peratus mempunyai pengetahuan tentang strategi pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar Pendidikan Khas dan cuma sejumlah 30.4 peratus mengetahui mengenai strategi pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.

Dapatan tentang kemahiran bahasa adalah masalah utama yang dihadapi pelajar cacat pendengaran. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan kajian Antia *et al.*,(2009) yang mendapati pelajar cacat pendengaran mengalami masalah dari aspek bahasa disebabkan kesukaran membentuk bahasa yang mudah untuk difahami orang lain kerana ketidakupayaan untuk mendengar dan menggunakan bahasa lisan untuk berkomunikasi. Tanpa kecekapan bahasa menyebabkan pelajar cacat pendengaran sukar untuk berjaya dalam bidang akademik berbanding dengan pelajar lain (Hallahan dan Kauffman, 2000). Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan pelajar cacat pendengaran menghadapi masalah lemah ingatan. Faktor kelemahan ingatan ini adalah kerana sesuatu objek yang dilihat oleh pelajar cacat pendengaran sukar untuk dihubungkan dengan objek lain dalam memorinya. Keadaan ini menyebabkan ingatan sesuatu yang dipelajari tidak akan bertahan lama. Dapatan tentang ingatan jangka pendek atau lemah ingatan ini selari dengan dapatan yang diperolehi Mohd Huzairi *et al.*, (2012). Semasa pelaksanaan proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam, pelajar cacat pendengaran menghadapi masalah dari segi mengingati sesuatu yang dipelajari. Ingatan pelajar cacat pendengaran kepada isi kandungan mata pelajaran atau apa yang disampaikan tidak akan bertahan lama dan mudah lupa. Faktor utamanya ialah pelajar cacat pendengaran tidak dapat menghubungkan sesuatu yang dilihat dengan apa yang terkandung di dalam pemikirannya. Sebelum pelajar cacat pendengaran mempelajari sesuatu perkara, biasanya pelajar cacat pendengaran perlu menguasai beberapa kemahiran. Selain mengenali perkara yang akan dipelajari pelajar cacat pendengaran perlu mengingati kod yang akan dipadankan dengan objek yang akan dipelajari.

Kajian ini menunjukkan BBM yang wujud pada hari ini tidak sesuai untuk digunakan kepada pelajar cacat pendengaran dan ianya hanya lebih kepada murid berpendengaran. Kenyataan ini selari dengan pandangan Siew *et al.*, (2007). Begitu juga dengan buku teks yang ada hari ini di dalam versi jawi dan hanya sesuai untuk kegunaan guru sahaja. Manakala silibus yang digunakan kepada pelajar cacat pendengaran adalah tidak sesuai kerana menggunakan sukanan pelajar normal. Namun begitu, terdapat sebahagian guru telah cuba mengubahsuai sukanan mata pelajaran mengikut kebolehan pelajar cacat pendengaran masing-masing. Hal ini adalah selari dengan pendapat Hamdi (2011).

Dapatkan tentang kesukaran memahami sesuatu yang disampaikan oleh guru atau kesukaran guru menerangkan sesuatu kepada pelajar cacat pendengaran adalah masalah yang seringkali berlaku semasa proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung. Bagi guru, biasanya kesukaran hanya kepada aspek untuk menerangkan sesuatu yang tidak nampak atau abstrak kepada pelajar cacat pendengaran. Dapatkan ini selari dengan dapatan kajian Abdullah (2014b) terhadap *simptom* kecacatan komunikasi murid pendidikan khas. Pelajar yang bermasalah komunikasi lisan akan mengalami kesukaran dari segi menyatakan apa yang ingin disampaikan melalui pertuturan dan kesukaran memahami percakapan orang lain. Manakala Hamdi (2011) pula menyatakan pelajar cacat pendengaran sukar memahami sesuatu yang bersifat abstrak.

Ciri terakhir yang wujud dalam proses pembelajaran dan pengajaran pelajar cacat pendengaran adalah masalah kod tangan yang tidak lengkap dan terhad, dan aspek ini diakui GPIK1, GPKK4. Masalah ketidakcukupan kod tangan ini selari dengan dapatan kajian Abdullah (2014a). Masalah ketidakcukupan kod ini merujuk kepada ketiadaan kod dalam bahasa Melayu dalam proses pembelajaran dan pengajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Perkara ini wujud dan begitu berkaitan dengan beberapa istilah yang penting. Keadaan ini menyukarkan guru dan pelajar dalam memahami kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam semasa alam persekolahan masing-masing. Sehingga kini, hanya terdapat sekitar 32,000 kata dasar berkaitan isu yang dibincangkan ini (Kamus Dewan, 2005).

Berdasarkan kepada dapatan yang telah dilaksanakan dengan melihat kepada masalah yang timbul, penyelidikan juga berusaha mencari penyelesaian dengan merujuk kepada beberapa orang pakar, pentadbir, guru mata pelajaran Pendidikan Islam dan bekas pelajar cacat pendengaran untuk menentukan cadangan terbaik dalam menghasilkan proses pembelajaran dan pengajaran yang berkesan dalam kalangan pelajar cacat pendengaran. Antara beberapa perkara yang perlu diberi perhatian secara lebih serius dinyatakan seperti di bawah.

## **BAHAN BANTUAN MENGAJAR (BBM)**

Aspek pemilihan BBM adalah penting bagi memastikan proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam dapat dilaksanakan dengan lebih

berkesan. Hasil daripada temu bual bersama responden, penyelidik dapat meneliti beberapa bentuk cadangan di dalam pemilihan BBM yang sesuai untuk digunakan kepada pelajar cacat pendengaran semasa proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung. Penyediaan BBM berbentuk visual adalah sesuai dan sejajar dengan kemampuan pelajar cacat pendengaran dan menjadikannya sebagai syarat utama dalam menentukan keberkesaan proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Bahan-bahan yang disediakan harus BBM yang berbentuk mesra pengguna. Semasa pembinaan BBM, GPIK perlu meneliti kesesuaian BBM dengan tahap kebolehan pelajar cacat pendengaran dan perlu membina BBM yang meraikan pelajar cacat pendengaran ini. Pakar mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Khas mengemukakan cadangan berikut:

*“...sebab kita selalu tidak mengkaji keperluan orang lain sebab dia (pelajar cacat pendengaran) mata je,yang lain tak de benda. Lepas tu dia kena satu persatukan, jarak, jelas, font dia kena besar...lepas tu sesetengah ni dia dapat saya tengok tasted yang budak ni lah, saya buat, yang “...BISMI...” saya bagi yang kelas baru ni, so walaupun budak-budak tu berpuluhan kali lah, cikgu dia latihkan” (PPIK).*

Oleh yang demikian, keperluan kemudahan asas dalam proses pembelajaran dan pengajaran perlu dipenuhi terlebih dahulu bagi memastikan keberkesaan sesuatu kurikulum yang dirancangkan (Shafiee, 2002). Cadangan daripada BPP2, supaya penggunaan gambar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam adalah begitu tepat sekali. Beliau mencadangkan agar penggunaan gambar digunakan, khususnya gambar berkaitan dengan topik atau bahagian ibadat: *“Banyakkan gambar-gambar ibadah fardu seperti solat, ambil air wuduk, rukun Islam dan Iman dan sebagainya”*. Dalam temu bual ini, GPPI mencadangkan agar guru mata pelajaran Pendidikan Islam berusaha untuk menyumbangkan kepakaran dalam penyediaan BBM untuk pelajar cacat pendengaran. Katanya lagi: *“Guru kena berjiwa besarlah, kalau collaborate tak payahlah dengan syarikat besar-besar dengan syarikat kecil pun buat bahan dah jadi, biar shape tu guru yang buat.”*

BBM yang lain dan juga penting adalah buku teks. Kepentingan penggunaan buku teks dalam proses pembelajaran dan pengajaran adalah perlu dan dapat membantu pelajar cacat pendengaran menguasai ilmu dengan baik. Justeru itu, guru dan pelajar cacat pendengaran perlu menggunakan buku teks sebagai rujukan utama semasa proses pembelajaran dan pengajaran sama ada di dalam atau luar bilik darjah. Buku teks yang ada hari ini perlu diubahsuai mengikut keupayaan dan kehendak pelajar pekak agar proses pembelajaran dan pengajaran menjadi lebih berkesan. BPP02 mengemukakan cadangan bentuk buku teks yang sesuai dengan tahap kebolehan pelajar pekak:

*“Buku teks diperbanyakkan gambar...dalam isi buku teks kesesuaian ayat atau perkataan ikut tahap pemahaman pelajar pekak. Sebagai pelajar di sekolah menengah saya dapat faham apabila baca ayat yang diubah suai oleh GPIK” (BPP2).*

Bagi sesebuah sekolah atau institusi pendidikan, institusi ini perlu mencari alternatif untuk berkolaborasi dengan jabatan lain khususnya dalam pembinaan BBM yang sesuai dengan pelajar cacat pendengaran. Sebagai contoh, sekolah boleh bekerjasama dengan Institusi Pendidikan yang lain yang mempunyai kepakaran dalam penyediaan BBM untuk pelajar istimewa ini. Usaha ini perlu diteruskan oleh guru sebagaimana di sarankan oleh GPPI semasa temu bual bersamanya.

*“...Kita kena buat collaboration dengan universiti, guru-guru, Jabatan Sains Komputer ajar kepada guru-guru kita. Perasan tak di sekolah BBM takda yang meraikan anak-anak istimewa, bahan menjadi terhad”*

Cadangan seterusnya bagi meningkatkan proses pembelajaran dan pengajaran kepada pelajar cacat pendengaran adalah melalui pembinaan modul. Modul yang dibina adalah susunan nota pelajaran yang mengandungi isi-isi penting atau latih tubi yang disusun secara ringkas kemudian dibuat seperti buku, seterusnya di buat salinan. Setiap pelajar yang berada di kelas peperiksaan akan belajar berpandukan modul yang disediakan. Penggunaan modul ini boleh menyelesaikan masalah pembelajaran pelajar cacat pendengaran. Hal ini dipersetujui GPI04,GPI05 sebagaimana katanya: *“Kita ada modul, kandungan semua ikut sukatan. Modul ini sangat membantu pelajar, kita guna untuk kelas-kelas yang terlibat dengan peperiksaan sahaja, lebih senang dan lebih sesuai untuk pelajar kita”*.

## GURU YANG BERKEMAHIRAN

Dimensi kemahiran tidak kurang pentingnya dalam menghasilkan proses pembelajaran dan pengajaran berkesan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Berdasarkan temu bual dengan GPK, GPI, BPP, penyelidikan ini mendapati aspek kemahiran memainkan peranan penting dalam meningkatkan proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar cacat pendengaran. Pihak GPIK3 mencadangkan agar guru mata pelajaran Pendidikan Islam perlu menguasai kemahiran komunikasi menggunakan bahasa isyarat sepenuhnya. Kemahiran ICT juga turut dicadangkan oleh GPI4 dan GPI5, supaya guru memiliki kemahiran ICT secara berkesan. GPIK3 berkeyakinan penggunaan ICT dalam proses pembelajaran dan pengajaran dapat membantu pelajar cacat pendengaran memahami sesuatu tajuk yang agak sukar berbanding dengan

menggunakan pendekatan biasa. Beliau mencadangkan agar semua GPIK perlu menguasai sepenuhnya bidang berkenaan. Atas keyakinan itulah beliau mencadangkan agar semua guru mata pelajaran Pendidikan Islam yang bertugas di Sekolah Khas perlu berusaha meningkatkan kualiti dirinya dengan menguasai kemahiran ICT.

Kemahiran motivasi adalah elemen terakhir dalam aspek kemahiran. Cadangan supaya GPIK perlu berusaha untuk memupuk semangat belajar dalam kalangan pelajar cacaat pendengaran turut disyorkan oleh GPKK. Selain motivasi kepada pelajar, guru juga perlu diberikan suntikan semangat supaya sedar tentang tanggungjawab sebagai seorang guru. Usaha ini perlu dilakukan oleh pihak pengurusan sekolah secara berterusan. Selain daripada kemahiran motivasi, kemahiran proses pembelajaran dan pengajaran merupakan aset paling asas bagi seseorang guru. Menerusi temu bual bersama GPK2, beliau mencadangkan agar guru menggunakan pelbagai kaedah dalam proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini dapat diperhatikan melalui petikan temu bual bersama GPK2 di bawah:

*“Kita kena guna pelbagai kaedah supaya pengajaran kita menarik, lebih-lebih lagi bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Makin banyak sumber dan kaedah kita guna makin banyak nampak hasilnya”*  
(GPKK2).

## **KOMITMEN DAN BERTANGGUNGJAWAB**

Cadangan seterusnya untuk menjadikan proses pembelajaran dan pengajaran lebih berkesan dengan semua guru perlu memberikan komitmen dengan penuh tanggungjawab seperti yang diamanahkan kepada mereka. Menurut GPKK;

*“Setiap guru khas perlu sangat-sangat komited dan dedikasi...kita mesti anggap anak tu anak kita sendiri,tak kira bangsa, itulah konsep yang saya pegang. Itu komitmen sangat penting, kalau guru khas memang nak tolong budak istimewa baru masuk ke bidang itu kalau sesiapa yang tak minat saya harap agar ubahlah sikap sebab anak istimewa memang perlu kasih sayang, tunjuk ajar,orang pertama ialah ibu bapa, yang kedua ialah guru khas”.*

Bagi guru yang mengajar di sekolah menengah Pendidikan Khas atau Program Khas Integrasi perlulah membetulkan niat masing-masing, agar usaha mendidik pelajar istimewa mendapat ganjaran daripada Ilahi... *“Kita mesti anggap anak tu anak kita sendiri, tak kira bangsa, itu la konsep yang saya pegang, itu komitmen sangat penting, kalau guru khas memang nak tolong budak istimewa baru masuk ke bidang itu kalau sesiapa yang tak minat saya harap agar ubahlah*

*sikap sebab anak-anak memang perlu kasih sayang, tunjuk ajar,...orang pertama ialah ibu bapa dan yang kedua ialah guru khas”.*

## **MODIFIKASI KURIKULUM**

Pelaksanaan proses pengajaran menggunakan kurikulum arus perdana yang diguna pakai oleh semua pelajar di Malaysia mempunyai kelebihan yang tersendiri. Melalui kurikulum yang sama dapat membuktikan pelajar cacat pendengaran mampu menguasai kemahiran yang setaraf dengan pelajar berpendengaran. Justeru itu, kelebihan dan peluang pastinya akan memihak kepada pelajar cacat pendengaran sekiranya pencapaian mereka bersamaan dengan pelajar arus perdana. Namun begitu, anggapan ini jauh sekali pada realitinya, kerana pencapaian murid cacat pendengaran jauh berbeza dan tertinggal di belakang dengan murid berpendengaran. Pelajar cacat pendengaran amat memerlukan kurikulum khas sebagaimana disediakan kepada pelajar masalah pembelajaran. Kurikulum sedia ada boleh diguna sekiranya dimodifikasi mengikut kemampuan pelajar cacat pendengaran. Guru GPIK03 meluahkan situasi berikut:

*“Pertamanya silibusnya tu kurangkan, tak patut ajar dulu tak payah ajar, yang keduanya BBM untuk pelajar cacat pendengaran memang sekarang ni kita hanya ada buku teks je kan daripada kementerian untuk Pendidikan Khaslah...itu pun dalam jawi...tapi ...kalau boleh, buku dalam bentuk bahasa Isyarat dalam PAI ni kena adalah, sekarang ni sepatutnya dah ada...sebab dah berapa tahun lama dah...tak ada pembaharuan dalam silibus untuk subjek ni lah, sebenarnya hakikatnya pelajar cacat pendengaran ni secara conclusion banyak bergantung kepada orang normal...macamnya di sekolah dia bergantung banyak kepada cikgu ialah mata telinganya banyak bergantung kepada cikgu...macam mana kita.”*

## **SOKONGAN DARIPADA PIHAK PENGURUSAN**

Perkara utama yang seharusnya diberi keutamaan dalam menghasilkan proses pembelajaran dan pengajaran berkesan kepada pelajar cacat pendengaran adalah sokongan daripada pihak pengurusan dan pentadbiran sekolah. Keperihatinan pihak ini terhadap keperluan guru dan pelajar cacat pendengaran akan memberi impak besar terhadap kecemerlangan akademik pelajar ini. Guru pakar mata pelajaran Pendidikan Islam bersetuju bahawa kecemerlangan akademik banyak bergantung kepada pihak pengurusan dan pentadbir sekolah.

## KEPERLUAN KEPADA KAUNSELOR

Luahan hati GPKK2 berkaitan keperluan kaunselor kepada pelajar cacat pendengaran turut dikongsi beberapa orang GPK dan pakar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Sehingga hari ini, bagi pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi terpaksa berkongsi kaunselor dengan murid berpendengaran. Akhirnya, segala masalah yang dialami pelajar cacat pendengaran tidak dapat diluahkan sepenuhnya. Justeru itu, GPKK2 mencadangkan agar diwujudkan jawatan kaunselor untuk pelajar cacat pendengaran di Program Pendidikan Khas Integrasi.

*“....so kalau kita ada masalah berkaitan, kita boleh pergi kepada tempatnya nak rujuk, selain daripada kawan-kawan kita, kita ada tempat lagi nak rujuk masalah disiplin, masalah kerjaya, masalah masa depan, masalah sambung pelajaran, kita ada unit yang memang kita boleh dan selain kita, dia boleh combine dengan kaunselor sekolah ni, untuk kita....mmm...sekolah sekolah vokasional kan, SKPK(Sekolah Rendah Pendidikan Khas) tu mungkin ada kaunselor dia, tapi kalau untuk sekolah integrasi begini, sepatutnya ada macam dia, kaunselor kat sini, salah seorang tu sepatutnya dia dah bagi kat kita, ataupun quota tu tambah, sekolah integrasi sekurang-kurangnya ada tambahan satu untuk unit pendidikan khas”.*

## SOKONGAN IBU BAPA DAN MASYARAKAT SETEMPAT

Sokongan daripada ibu bapa adalah penting dalam menjayakan proses pembelajaran dan pengajaran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Ibu bapa harus membantu pihak sekolah dalam meningkatkan pencapaian akademik anak masing-masing dengan sentiasa berhubung dengan pihak sekolah. Bagi BPP1, pembelajaran berkesan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam boleh berlaku sekiranya ibu bapa boleh mewujudkan iklim pembelajaran yang menarik di rumah. Hal ini dapat dilihat melalui temu bual BPP1 bersama penyelidik: “...ibubapa mereka memainkan peranan mewujudkan suasana menggalakkan dan menarik minat untuk belajar di rumah”. Ibu bapa yang perihatin sentiasa mengambil berat terhadap akademik anak masing-masing. Memandangkan anak-anak istimewa ini mengalami masalah ingatan jangka pendek, maka ibu bapa boleh bertindak menolong anak-anak ini dengan membawa mereka kembali kepada ingatan, iaitu cuba memberi petunjuk yang awal (Mohd Zuri Ghani, et al., 2013).

Ibubapa seharusnya bersikap terbuka dan berusaha untuk menyelami perasaan anak-anak istimewa ini. Sebagai ibu bapa yang mempunyai anak-anak istimewa seharusnya tabah dan bersikap lapang dada. Begitu juga dengan masyarakat, perlu memandang anak-anak ini boleh bergaul dan meneruskan kehidupan bersama masyarakat tanpa sekatan yang membataskan pergaulan mereka. PPIK1 mencadangkan:

*“...struktur organisasi qariah yang betul, masjid yang betul, di qariah pun ada orang cacat pendengaran, dia kena raikan juga berapa orang dalam golongan keluarga ada anak istimewa kita kena buatlah satu kelas mengaji, kalau mereka itu ada ilmu, ramai yang berlaku mak bapak mengadu yang anak dia tidak diterima.”*

Sebagai ibu bapa yang mempunyai anak cacat pendengaran, mereka harus memasyarakatkan anak-anak dengan memberikan peluang bergaul, bermain bersama dengan anak-anak berpendengaran yang lain. Melalui proses sosialisasi ini anak-anak akan merasa dirinya dihargai.

### **PERSEKITARAN PEMBELAJARAN YANG KONDUSIF**

Pesekitaran pembelajaran yang kondusif adalah antara faktor penting yang membantu keberkesanan dalam proses pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam kepada pelajar cacat pendengaran. Bagi BPP1, beliau mencadangkan bentuk persekitaran pembelajaran yang sesuai bagi pelajar pekak diwujudkan. Dalam temu bual tersebut beliau mencadangkan:

*“...persekitaran pembelajaran memerlukan keselesaan tidak mengganggu pelajar cacat pendengaran seperti pencahayaan, keadaan udara, tidak bising bagi pelajar separuh pekak. Contohnya, di perpustakaan, bawah pokok, bilik khas, bilik kemudahan untuk menyampaikan kemudahan pelajaran kepada pelajar cacat pendengaran seperti di bilik bacaan, bilik multi media” (BPP1).*

Sementara itu, pihak BPP2 mencadangkan supaya diperbanyak gambar-gambar ibadah fardu seperti solat, ambil air wuduk, rukun Islam dan Iman dan sebagainya.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada dapatan yang diterokai dalam penyelidikan ini, beberapa cadangan telah pun dikemukakan kepada pihak berkaitan sebagai langkah awal untuk mengatasi masalah yang timbul. Diharapkan cadangan-cadangan yang disyorkan dapat diteliti pihak yang bertanggungjawab dan seterusnya mengambil langkah merangka perancangan baru bagi meningkatkan kualiti proses pembelajaran dan pengajaran bersama-sama pelajar cacat pendengaran. Akhir sekali, kejayaan yang dimiliki pelajar cacat pendengaran, sebenarnya adalah hasil daripada sokongan semua pihak. Kajian ini perlu dianggap sebagai persediaan awal, laluan mudah dan ringkas kepada pihak bertanggungjawab untuk merintis masalah yang dialami pelajar cacat pendengaran dalam negara. Langkah-langkah khusus ini perlu diambil seterusnya bagi merangka proses penambahbaikan program pembelajaran dan pengajaran bagi pelajar cacat pendengaran yang mampu memberikan impak maksimum kepada program pembangunan kendiri pelajar cacat pendengaran seluruh negara pada masa hadapan.

## **RUJUKAN**

- Abdullah Yusoff. 2014a. *Memahami Komunikasi Orang Pekak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Yusoff. 2014b. Masalah Pembelajaran: Tanda dan Simpton Kecacatan Komunikasi Lisan Murid Pendidikan Khas. *Jurnal Bahasa*: 14(2): 301-324.
- Abdullah Yusoff dan Che Rabiaah Mohamed 2004. Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Pekak: Suatu Sorotan dari Perspektif Linguistik. *Jurnal Bahasa*. Jilid 4:4: 639-680.
- Ab Aziz Mohd Zin, Mohamad Kamil Ab Majid, Anisah Ab Ghani, Mohd Fauzi Hamat, Nor RaudahHj Siren & Juwairiah Hassan. 2009. *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Antia, S.D., Jones. P.B., Reed. S., & Kreimeyer, K.H. 2009. Academic Status and Progress of Deaf and Hardof Hearing Students in General Education Classrooms. *Jurnal of Deaf Studies and Deaf Education*, Vol. 14 (3): 293-331.
- Efthimiou, E., S-E. Fotinea 2007. *An Environment for Deaf Accessibility in EducationContent*. ILSP-Institute for Language and Speech Processing. Retrieved April 2, 2014 from <http://www.ilsp.gr/docs/amea/ICTA07.pdf>
- Easterbrooks S. R., & Baker, S. I. 2002. *Language Learning in Children Who are Deaf and Hard of Hearing: Multiple pathways*. Boston: Allyn& Bacon.
- Global Deaf Muslim. 2014. Retrieved from <http://www.globaldeafmuslim.org/about/projects/> (30 Mei 2015)
- Hamdi Ishak. 2011. *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran): Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hallahan, D. P. & Kauffman, J. M. 2000. *Exceptional Learners:Introduction to Special Education* (8th Ed.). Needham Heights: Allyn & Bacon.
- HasnahToran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar & Norasuzaini Sujak. 2009. Sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*. Vol. 1(2):18-29.

- Kamus Dewan. Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Lembaga Peperiksaan Malaysia.2003.*Laporan Moderasi.*
- Mohd Sharani Ahmad. 2004. *Mengurus Kanak-kanak yang Susah Belajar.* PTS Publications & Distributor Sdn.Bhd.
- MohdHuzairi bin Awang @ Husain. 2010. Persepsi Pelajar Bermasalah Pendengaran Terhadap Pembelajaran Fardhu Ain: Cabaran Terhadap Guru. *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education.* Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia.
- Moores, D. F. 2001. *Educating the Deaf: Psychology, Principles and Practises* (5th Ed.) Boston: Houghton Mifflin.
- Mohd Hanafi Mohd Yasin.2005. *Perbandingan Pencapaian Pelajar Pendidikan Khas (Pekak) Menggunakan Tiga Format Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).* Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Mokhtar & Aliza Alias. 2003. Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Berkeperluan Khas. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam: Perkaedahan Pengajaran Pendidikan Islam: Antara Tradisi dan Inovasi.* Hlm 395-405.
- Mohd Zuri Ghani, Aznan Che Ahmad & Zainuddin Mohd Isa.2013. *Masalah Pembelajaran:* UniversitiPerguruan Sultan Idris.
- Mohd Huzairi Awang@Husain. 2012. Jurnal Teknologi (Sosial Sains). Jilid 58: 135-139.
- Nik Hassan bin Seman. 1997. Pengajian Fardhu Ain di Kalangan Pelajar Pekak di Sekolah Menengah Ismail Petra Kota Bharu.Tesis B.A. Universiti Malaya.
- Shahrul Arba'iah Othman. 2007.*Faktor yang Menyumbang kepada Kecemerlangan Akademik Pelajar Pekak: Kajian Kes Retrospektif.* Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Strauss, A & Corbin, J. 1990. *Basics of Qualitative Research: Grounded Theory Procedures and Techniques.* London: Sage Publication Inc.

Siew Hock Ow, Salimah Mokhtar, Roziati Zainuddin & Tolman. 2007. *A Review on the Teaching and Learning Resources for the Deaf Community in Malaysia*. Chiang Mai University Journal. Vol 1(1): 165-176.

Shafiee@Shafie Hj Lugom. 2002. *Program Pendidikan Khas di Sarawak: Satu Penilaian*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Temu Bual Bersama Ustazah Meryam Omar, Guru Pendidikan Islam Khas (GPIK2) Aliran Integrasi, SMK Ibrahim Fikri pada 3/9/2014, 7/9/2014 dan 8/9/2014 di Bilik Guru SMK Ibrahim Fikri Terengganu.

Temu Bual Bersama Ustazah Shamsiah Ab. Hamid, Guru Pendidikan Islam Khas (GPIK3) Aliran Integrasi, SMK Ibrahim Fikri, pada 4/9/2014 dan 8/9/2014 di Kelas Tingkatan 3 Khas.

Temu Bual Bersama EncikAbd. Hamid bin Abd. Jalil, Guru Penolong Kanan Pentadbiran Pendidikan Khas (GPKK) Aliran Integrasi, SMK Ibrahim Fikri pada 4/9/2014 bertempat di Bilik Penolong Kanan Pendidikan Khas, jam 11.30 pagi.

Temu Bual Bersama Puan Nor'Aziah Mohd Daud, Pakar Pendidikan Islam dan Pendidikan Khas pada 14/10/2014, di Tahfiz Fakih, Temerloh Pahang, jam 11.30 pagi.

Temu Bual Bersama Guru Pendidikan Islam Khas (GPIK4): Ustazah Hasannah binti Abd Rahman, Ketua Panitia Pendidikan Islam, di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan, Pulau Pinang pada 29/09/2014, jam 10.30 pagi.

Temu Bual Bersama Guru Pendidikan Islam Khas (GPIK1): Ustazah Noraini Ibrahim, Guru Pendidikan Islam Program Pendidikan Khas Integrasi, Sekolah Menengah Ismail Petra Kota Bharu, pada 24/4/2014, jam 9.30 pagi.

Temu Bual Bersama Bekas Pelajar Pekak 3 (BPP2): Asmak binti Ashaari, Guru Pendidikan Khas, Sekolah Menengah Persekutuan, Pulau Pinang pada 1/10/2014 jam 1.15 tgh.

Temu Bual Bersama Guru Pendidikan Islam Khas (GPIK5): Ustaz Naderi Harun, Bilik Guru bertarikh 29/9/2014, Jam 1.05 tgh di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan, Pulau Pinang pada 1/10/2014 jam 9.30pg

Jurnal Ilmi  
Ilmi Journal  
Jilid 6 2016: 105-124

Temu Bual Bersama Penolong Kanan Pendidikan Khas (GPKK2): Wan Jah, pada 24/4/2014 di Bilik GPKK, SMIP Kota Bharu. 2.30 petang.

Temu Bual bersama Bekas Pelajar Pekak 1 (BPP1), Siti Fatimah, Guru Pendidikan Khas SKPK Besut Terengganu, 18/8/2015: Jam 10.30 pagi.